

07 JAN 1999

Panel

DAP MENYERU PENUBUHAN SEGERA PANEL BEBAS BAGI ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Penubuhan sebuah panel bebas untuk menyasat dakwaan bahawa polis menyebabkan kecederaan pada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mesti dibuat segera, kata Naib Pengerusi DAP Dr Tan Seng Giaw hari ini.

"Kita percaya yang Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bukan hanya harus menimbangkan perkara itu tetapi juga dengan segera," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Tan berkata, walaupun polis telahpun membentuk satu pasukan untuk menyasat insiden itu ia masih belum menyiapkan atau mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab.

Dr Mahathir semalam berkata, kerajaan akan menimbangkan penubuhan panel bebas ekoran pendedahan oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah pada Selasa lepas yang polis bertanggungjawab terhadap kecederaan pada Anwar.

Anwar yang ditahan pada 20 Sept lepas muncul di mahkamah buat pertama kali pada 29 Sept dengan mata lebam. Beliau mendakwa telah dipukul pada malam pertama ditahan.

Anwar kini menghadapi empat tuduhan rasuah berhubung tuduhan salah laku seks yang membabitkan beliau.

Dalam menyambut baik kenyataan Dr Mahathir, Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berkata, adalah tidak keterlaluan untuk berkata keyakinan orang ramai terhadap polis, Peguam Negara dan kerajaan adalah rendah selepas kenyataan Mohtar itu.

Sementara itu Pengerusi Majlis Gerakan Keadilan Rakyat (Gerak) Datuk Haji Fadzil Mohd Noor pula mendesak Mohtar supaya segera mengumumkan laporan siasatan berhubung kecederaan Anwar kepada orang ramai.

"Ini kerana timbul terlalu banyak keraguan dan ketidakpercayaan rakyat terhadap institusi perundangan terutamanya Peguam Negara dan polis," katanya.

-- BERNAMA

MAM PR